

LAPORAN SETENGAH TAHUN BERAKHIR 30 APRIL 2024



HAK KITA • NIKMATI BERSAMA

Kandungan

Maklumat Tabung	2
Prestasi Tabung	3
Laporan Pengurus	5
Penyata Pengurus	11
Penyata Jawatankuasa Syariah	12
Laporan Pemegang Amanah	13
Penyata kedudukan kewangan	14
Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain	15
Penyata perubahan dalam nilai aset bersih	16
Penyata aliran tunai	17
Nota-nota kepada penyata kewangan	18
Maklumat Korporat	42

▶▶ MAKLUMAT TABUNG

Nama Tabung

Amanah Saham Darul Iman (ASDI).

Jenis Tabung

Tabung pendapatan dan pertumbuhan modal.

Kategori Tabung

Tabung ekuiti berteraskan syariah.

Objektif Pelaburan Tabung

Objektif pelaburan Tabung mestilah bermatlamat untuk memberi pemegang-pemegang unit suatu tahap pendapatan yang menarik dan berterusan, serta peningkatan modal menerusi pelaburan berisiko munasabah yang dilaksanakan mengikut Surat Ikitan, Garis Panduan, Akta dan undang-undang sekuriti di dalam sekuriti-sekuriti di pasaran tempatan dan asing yang memenuhi prinsip-prinsip Syariah.

Tanda Aras Prestasi Tabung

Indeks FBM EMAS Shariah Bursa Malaysia (FBM Shariah) dipilih sebagai penanda aras bagi ASDI memandangkan ia adalah indeks perwajaran permodalan kaunter-kaunter patuh Syariah di Bursa Malaysia.

Polisi Pengagihan Pendapatan

Pada akhir setiap Jangka Masa Terakru Tabung, pengagihan pendapatan (jika ada) diagih dalam bentuk tunai dan/atau mewujudkan unit-unit tambahan (jika ada).

Statistik Pemegang Unit Pada 30 Apr 2024

Jumlah pemegang unit adalah sebanyak 19,845 dengan pemegang unit individu seramai 19,734 orang manakala bakinya 111 adalah pelabur institusi. Penyertaan pemegang unit mengikut klasifikasi saiz pegangan adalah seperti berikut:-

Klasifikasi Saiz Pegangan Unit	Bilangan Pemegang Unit	Peratus (%) Pemegang Unit	Jumlah Unit (Juta)
5,000 dan ke bawah	17,601	88.69	16.40
5,001 – 10,000	1,120	5.64	8.04
10,001 – 50,000	1,039	5.24	19.21
50,001 – 500,000	76	0.38	9.53
500,001 dan ke atas	9	0.05	434.55
Jumlah	19,845	100.00	487.73

Nota: Unit tidak termasuk stok yang dipegang oleh Pengurus berjumlah 0.05 juta unit.



► PRESTASI TABUNG

Maklumat portfolio bagi 3 tempoh kewangan berakhir pada 30 Apr

	2024	2023	2022
Peratus atas nilai aset bersih			
Sekuriti tersiar harga			
Komposisi berdasarkan indeks penyenaian			
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	8.57	6.97	13.35
Telekomunikasi & Media	8.48	15.04	13.19
Teknologi	8.32	5.29	3.49
Pembinaan	6.32	16.19	15.74
REIT	4.99	4.79	3.38
Barangan Industri & Perkhidmatan	3.57	6.18	3.54
Perladangan	3.56	4.74	4.01
Utiliti	3.46	8.16	11.75
Pengangkutan & Logistik	3.27	2.74	2.49
Perkhidmatan Kewangan	3.05	4.88	3.37
Tenaga	2.70	6.50	6.31
Penjagaan Kesihatan	1.34	2.05	1.86
Hartanah	0.88	6.04	6.28
Waran	0.00	0.01	0.01
Tunai	41.49	10.41	11.23
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Lain-lain maklumat prestasi pada 30 Apr

	2024	2023	2022
Jumlah NAB (RM'000)	120,718	108,959	115,326
Unit Dalam Penedaran ('000)	487,783	488,733	488,015
NAB seunit (RM)	0.2475	0.2229	0.2363
NAB seunit Tertinggi (RM)	0.2475	0.2287	0.2370
NAB seunit Terendah (RM)	0.2287	0.2075	0.2195
Nisbah Jumlah Perbelanjaan (NJP) (%)	5.08	1.75	1.82
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	0.53	0.06	0.13

NJP tahunan tempoh kewangan semasa meningkat melebihi 100% berbanding tempoh sebelumnya disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan hapuskira pelaburan pada FVTPL.

PGP tahunan tempoh kewangan semasa meningkat melebihi 100% berbanding tempoh sebelumnya disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti jualan dan belian dalam tempoh kewangan semasa, iaitu masing-masing melebihi 100%.



Jumlah Pulangan Bagi Tahun Berakhir 31 Okt

	2023	2022	2021
Jumlah Pulangan Dalam Tahun (%)	11.19	(7.50)	11.55
Pertumbuhan Modal	8.82	(12.08)	7.09
Pengagihan Pendapatan	2.37	4.58	4.46
Pengagihan Pendapatan Seunit (sen)			
Kasar	0.50	1.10	1.00
Bersih	0.50	1.10	1.00
Tarikh pengagihan (akhir)	20 Dis 2023	20 Dis 2022	20 Dis 2021

	1-tahun	3-tahun	5-tahun
Purata Pulangan Tahunan (%)	11.19	5.08	2.06

	2023	2022	2021	2020	2019
Jumlah Pulangan Tahunan untuk 5 Tahun Kewangan Terakhir (%)	11.19	(7.50)	11.55	(11.52)	6.58

Pencapaian tabung masa lalu bukan menjadi petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan.

Harga-harga unit dan pulangan pelaburan boleh berubah-ubah sama ada naik ataupun turun.

Nota:

- 1) **Kaedah Pengiraan Pulangan**
 - a. Jumlah Pulangan : Pertumbuhan Modal + Pulangan Pendapatan
 - b. Pertumbuhan Modal : (NAB seunit akhir / NAB seunit awal) -1
 - c. Pendapatan: Pengagihan pendapatan seunit / NAB seunit awal

* NAB seunit adalah selepas pengagihan

- 2) **Purata Pulangan Tahunan**
Purata pulangan tahunan ialah jumlah pulangan dibahagi dengan bilangan tahun yang dikehendaki.



» LAPORAN PENGURUS

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Pemegang-pemegang unit yang dihormati,

PTB Unit Trust Berhad (PUTB) selaku pengurus Amanah Saham Darul Iman (ASDI), dengan sukacitanya membentangkan Laporan Pengurus bagi tempoh enam bulan bermula 1 Nov 2023 sehingga 30 Apr 2024.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun kewangan ini, ASDI telah meneruskan tindakan penyusunan semula portfolio pelaburannya yang dimulakan pada penghujung tahun kewangan yang lepas. Tindakan ini perlu dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi struktur portfolio pelaburan tabung agar mampu berkembang seiring dengan pergerakan dan persekitaran pasaran saham semasa.

Antara tindakan utama yang diambil dalam penyusunan semula portfolio ini adalah tindakan mencantas kerugian ke atas saham-saham yang tidak berdaya saing. Tindakan ini boleh menyebabkan berlaku peningkatan dalam kerugian yang direalisasikan tabung seterusnya menyebabkan keupayaan tabung untuk membuat agihan pendapatan pada tahun kewangan ini akan terbatas.

Sungguhpun tabung ASDI terkesan dengan penyusunan semula ini, namun alhamdulillah, bagi tempoh setengah tahun yang dilaporkan, secara relatifnya prestasi tabung dari aspek kewangan telah semakin baik berbanding tempoh yang lalu sementara prestasi portfolio pula berupaya bergerak seiring dengan penanda aras tabung.

PRESTASI ASDI

Pergerakan dan Perkembangan Modal

		30 Apr 2024	1 Nov 2023	Perubahan	+/- (%)
NAB Tabung	(RM juta)	120.72	112.06	8.66	7.73
NAB Seunit	(RM)	0.2475	0.2296	0.0179	7.80
Unit dalam edaran	(Juta unit)	487.783	488.071	(0.288)	(0.06)
FBM Shariah	(mata)	12,085.94	10,841.59	1,244.35	11.48

Pada awal tahun kewangan ini (1 Nov 2023), Nilai Aset Bersih (NAB) ASDI pada harga pasaran adalah RM112.06 juta bersamaan RM0.2296 seunit. Pada 30 Apr 2024 iaitu penghujung tempoh pelaporan ini, NAB ASDI adalah RM120.72 juta bersamaan RM0.2475 seunit.

Ini menunjukkan NAB tabung telah meningkat sebanyak RM8.66 juta atau 7.73% sementara NAB seunit pula meningkat sebanyak 0.0179 sen seunit atau 7.80% berbanding awal tahun kewangan. Dalam tempoh yang sama, indeks penanda aras ASDI (Indeks FBM Shariah) telah mencatat peningkatan sebanyak 1,244.35 mata atau 11.48%.

NAB seunit ASDI tertinggi bagi tempoh yang dilaporkan ialah RM0.2475 seunit yang dicatat pada 30 Apr 2024. Sementara NAB seunit terendah ialah RM0.2287 seunit dicatat pada 1 Nov 2023.



Sementara itu, portfolio pelaburan ASDI dari segi pendedahan aset dalam ekuiti di Bursa Malaysia telah menyusut dari 82.41% atau RM133.95 juta pada 1 Nov 2023 kepada 57.21% atau RM66.85 juta pada 30 Apr 2024. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM67.10 juta atau 50.10%. Penurunan yang ketara ini adalah disebabkan oleh aktiviti penyusunan semula portfolio.

Pengagihan aset ASDI pada harga pasaran mengikut Indeks penyenaaraian pada 30 Apr 2024 dan 30 Apr 2023 adalah seperti berikut:-

Sektor	Pelaburan Semasa (pada nilai pasaran)			
	30 Apr 2024		30 Apr 2023	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	10.35	8.57	7.60	6.97
Telekomunikasi & Media	10.24	8.48	16.39	15.04
Teknologi	10.04	8.32	5.76	5.29
Pembinaan	7.63	6.32	17.64	16.19
REIT	6.03	4.99	5.22	4.79
Barangan Industri & Perkhidmatan	4.30	3.57	6.74	6.18
Perladangan	4.29	3.56	5.17	4.74
Utiliti	4.18	3.46	8.89	8.16
Pengangkutan & Logistik	3.95	3.27	2.99	2.74
Perkhidmatan Kewangan	3.68	3.05	5.32	4.88
Tenaga	3.25	2.70	7.08	6.50
Penjagaan Kesihatan	1.62	1.34	2.24	2.05
Hartanah	1.06	0.88	6.58	6.04
Waran	0.00	0.00	0.00	0.00
Tunai	50.09	41.49	11.36	10.41
JUMLAH	120.72	100.00	108.96	100.00

Pendapatan Tabung

	30 Apr 2024	30 Apr 2023	Sisihan
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)
Penerimaan dividen daripada pelaburan pada nilai saksama untung/(rugi) (FVTPL)	1.32	2.96	(1.64)
(Kerugian)/Keuntungan daripada jualan pelaburan pada FVTPL	(41.84)	0.37	(42.21)
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan	0.88	0.23	0.65
Keuntungan belum direalisasi daripada perbezaan nilai saksama pelaburan FVTPL	54.25	3.22	51.03
Jumlah pendapatan	14.61	6.78	7.83

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Apr 2024, penerimaan dividen daripada pelaburan pada FVTPL merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan



tabung iaitu sebanyak RM1.32 juta diikuti oleh keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan dan lain-lain berjumlah RM0.88 juta. Jumlah pelaburan pada FVTPL pula mencatat kerugian sebanyak RM41.84 juta.

Setelah mengambil kira keuntungan belum direalisasi daripada perbezaan nilai saksama pelaburan FVTPL sebanyak RM54.25 juta, jumlah pendapatan komprehensif kasar tabung bagi tempoh semasa adalah RM14.61 juta berbanding sebanyak RM6.78 juta tempoh yang sama tahun lepas.

Pendapatan Komprehensif

Setelah ditolak perbelanjaan berjumlah RM5.88 juta, jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa selepas cukai adalah RM8.73 juta. Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa adalah terdiri daripada berikut:

	30 Apr 2024 (RM Juta)	30 Apr 2023 (RM Juta)	Sisihan (RM Juta)
(Kerugian)/Keuntungan direalisasikan	(45.52)	2.60	(48.12)
Keuntungan belum direalisasikan	54.25	3.22	51.03
Pendapatan komprehensif selepas cukai	8.73	5.82	2.91

Kerugian yang telah direalisasikan berjumlah RM45.52 juta atau -9.33 sen seunit menunjukkan penurunan ketara berbanding keuntungan RM2.60 juta atau 0.53 sen seunit bagi tempoh yang sama tahun lepas. Walau bagaimanapun ia diimbangi oleh kedudukan keuntungan yang belum direalisasikan sebanyak RM54.25 juta berbanding RM3.22 juta pada tahun lepas.

Prestasi ASDI Berbanding Penanda Aras

Prestasi peratus pulangan ASDI berbanding penanda aras untuk jangka masa lima (5) tahun dari 1 Mei 2019 hingga 30 Apr 2024 adalah sebagaimana graf berikut:-

Prestasi ASDI Berbanding Penanda Aras Dari 1 Mei 2019 hingga 30 Apr 2024



PRESTASI BURSA MALAYSIA

Pergerakan Bulanan Indeks FBM Shariah

Sepanjang tempoh setengah tahun kewangan ASDI berakhir pada 30 Apr 2024, Indeks FBM Shariah telah mencatat peningkatan sebanyak 1,244.35 mata



atau 11.48% dari paras 10,841.59 mata pada 1 Nov 2023 ke paras 12,085.94 mata pada 30 Apr 2024. Ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding peningkatan sebanyak 325.68 mata atau 3.13% yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lepas. Dalam tempoh laporan ini, Indeks FBM Syariah telah mencatat paras tertinggi harian 12,128.96 mata pada 30 Apr 2024 sementara paras terendah harian 10,721.91 mata dicatat pada 8 Dis 2023.

	Mula	Tinggi	Rendah	Penutup	Perubahan	+/- %
Nov 2023	10,841.59	11,056.90	10,719.59	10,929.36	87.77	0.81
Dis 2023	10,884.69	11,034.45	10,721.91	10,988.71	59.35	0.54
Jan 2024	10,981.19	11,361.79	10,942.06	11,278.09	289.38	2.63
Feb 2024	11,265.51	11,629.32	11,219.97	11,527.99	249.90	2.22
Mac 2024	11,515.51	11,667.53	11,298.56	11,643.52	115.53	1.00
Apr 2024	11,654.99	12,128.96	11,615.54	12,085.94	442.42	3.80
Perubahan bagi tempoh 1 Nov 2023 sehingga 30 Apr 2024					1,244.35	11.48

Prospek Pasaran

Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengumumkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku pertama 2024 pada kadar 4.20 peratus berbanding 5.60 peratus bagi tempoh yang sama tahun lepas. Pertumbuhan ini bagaimanapun adalah lebih tinggi berbanding 3.00 peratus yang direkodkan pada suku keempat tahun lalu. Meskipun menghadapi rintangan ekonomi global, ekonomi Malaysia diunjurkan mampu berkembang sebanyak 4.0 peratus hingga 5.0 peratus bagi tahun 2024 disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran.

Dalam pada itu, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dalam edisi April 2024, World Economic Outlook (WEO), mengunjur pertumbuhan global berkembang pada kadar 3.10 peratus pada tahun 2024 dan naik sedikit kepada 3.20 peratus pada tahun 2025. Unjuran ini diasaskan kepada jangkaan daya tahan ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan beberapa pasaran baru muncul yang besar dan ekonomi membangun, serta sokongan fiskal di China. Untuk KDNK negara, IMF membuat unjuran Malaysia dijangka berkembang pada kadar 4.30 peratus pada tahun 2024.

Oleh itu, setengah tahun kedua 2024 dijangka akan menyaksikan daya tahan ekonomi Malaysia akan terus diuji sama ada negara mampu bertahan dan menyesuaikan diri dengan perubahan landskap ekonomi yang dipengaruhi oleh perkembangan dalam dan luar negara.

Walau bagaimanapun, bagi prospek pasaran Bursa Malaysia, pasaran dijangka masih berupaya meneruskan trend menaik dalam jajaran yang lebih terhad dengan jangkaan pengambilan untung jangka pendek dan aliran keluar dana asing dari pasaran tempatan ekoran pergerakan turun-naik nilai ringgit Malaysia (RM) dan perkembangan luar negara. Ini adalah berikutan penilaian pasaran pada tahap semasa ke atas ekuiti Malaysia masih lebih murah berbanding



ekuiti serantau dan berpotensi menawarkan peningkatan yang lebih baik untuk pelabur jangka panjang.

Dalam pada itu, pasaran saham tempatan dijangka akan terus dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti penurunan kadar faedah AS, risiko geopolitik global, polisi ekonomi dan perdagangan AS, pertikaian perdagangan yang berlarutan antara AS dan China, risiko kemelesetan ekonomi AS dan penurunan harga komoditi.

Pengurus akan terus meneliti perkembangan yang berlaku dan akan melaksanakan tindakan perlu terhadap jangkaan pergerakan turun-naik pasaran dalam setengah tahun kedua kewangan ASDI.

Sekuriti-sekuriti Yang Diklasifikasikan Semula Sebagai Sekuriti Tidak Patuh Syariah

Pada 24 Nov 2023, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan senarai baharu sekuriti-sekuriti patuh syariah. Pada pelaporan sehingga 30 Apr 2024, tiada sekuriti baharu yang tersenarai sebagai sekuriti tidak patuh syariah.

Polisi dan Strategi Pelaburan

Polisi pelaburan ialah untuk melaksanakan satu pelan tindakan pelaburan di dalam portfolio yang mengandungi kepelbagaian sekuriti ekuiti tersenarai dan tidak tersenarai, sekuriti di pasaran asing dan instrumen pasaran wang berlandaskan prinsip-prinsip syariah. Ini bertujuan untuk memberikan gabungan pulangan yang optimum daripada pelaburan ekuiti, dividen syarikat, dividen daripada pasaran wang serta peningkatan nilai aset dana.

Strategi pelaburan akan berpandu kepada objektif pelaburan dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan politik serta perkembangan di dalam dan di luar negara yang mempengaruhi prestasi pasaran ekuiti, di samping melibatkan analisa risiko. Dalam membuat pemilihan saham, penelitian akan diberikan kepada prospek pertumbuhan pendapatan, kekukuhan kewangan syarikat, nilai aset bersih, pegangan tunai, pulangan dividen serta pengurusan yang berwibawa.

Dalam tempoh pelaporan ini, tindakan melakukan penyusunan semula portfolio ASDI telah menyebabkan pendedahan dalam ekuiti telah berada di bawah paras minimum 70 peratus. Pengurus dari semasa ke semasa akan melaksanakan tindakan perlu bagi memenuhi keperluan pendedahan minimum ini dicapai.

Secara keseluruhannya, strategi pelaburan yang dilaksanakan menyasarkan pulangan untuk jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang bagi tempoh di antara 3 – 5 tahun. Pengaduan strategi pelaburan akan mengambil kira Garis Panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Polisi Berkenaan Rebat dan Komisen

Sebarang rebat atau diskaun ke atas yuran pembrokeran (sekiranya ada) akan

diserahkan semula kepada tabung ASDI dan digunakan untuk mengurangkan kos pelaburan.

Dalam tempoh kewangan bawah kajian, ASDI tidak menerima sebarang komisen ringan. Pengurus hanya menikmati manfaat tidak langsung broker berupa bahan-bahan penyelidikan, majalah, makalah dan jemputan ke seminar, persidangan dan/atau mesyuarat yang dianjurkan oleh mereka. Barangan dan perkhidmatan akan hanya diterima sekiranya memberi manfaat kepada pemegang unit dan/atau tabung.

Urus Niaga Perdagangan Silang

Tiada urus niaga perdagangan silang dilaksanakan oleh Pengurus dalam tempoh kewangan bawah kajian.

Urus Niaga Pembiayaan Sekuriti

ASDI tidak terlibat dengan sebarang pinjaman sekuriti atau urus niaga pembelian semula dalam tempoh kewangan bawah kajian.

Perubahan Dibuat kepada Prospektus Tabung

Tiada perubahan dibuat kepada prospektus ASDI dalam tempoh kewangan bawah kajian.

PENGHARGAAN

Pengurus merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pemegang unit kerana terus setia mengekalkan pelaburan di dalam ASDI.

ASDI merupakan satu saluran pelaburan alternatif untuk para pelabur yang menitikberatkan pulangan yang bersih dan diharuskan oleh syarak. Untuk itu, Pengurus beriltizam bagi memastikan semua aktiviti pelaburan ASDI dilaksanakan menepati peraturan dan ketetapan syariah. Pengurus juga akan terus meningkatkan usaha bagi memastikan objektif untuk memberi pulangan yang berpatutan kepada pemegang unit dapat diteruskan, Insya-Allah.

Wassalam.

ASDI ~ Hak Kita Nikmati Bersama

Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun

Pengerusi

PTB Unit Trust Berhad

Bertarikh: 23 Jun 2024



» PENYATA PENGURUS

Kami, Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun dan Mohamad Azman bin Mustaffa, dua orang daripada pengarah-pengarah PTB Unit Trust Berhad, iaitu Pengurus kepada Amanah Saham Darul Iman ("Tabung Amanah") dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Tabung Amanah bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 April 2024, berserta dengan nota-nota yang dibentangkan di mukasurat 14 hingga 41 telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("Malaysian Financial Reporting Standards" - MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("International Financial Reporting Standards" - IFRS) dan Garis Panduan Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, telah memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Tabung Amanah pada 30 April 2024, dan hasil dan perubahan dalam nilai aset bersih serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak PTB Unit Trust Berhad selaku Pengurus kepada Tabung Amanah, menurut resolusi pengarah-pengarah bertarikh 23 Jun 2024.

Burhanuddin Hilmi bin Mohamed@Harun

Mohamad Azman bin Mustaffa

Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman

► **PENYATA JAWATANKUASA SYARIAH**

Kepada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Darul Iman

Kami, Prof. Dr. Muhamad Rahimi bin Osman dan Abdul Halim bin Awang @ Sulong, dua orang daripada ahli-ahli Jawatankuasa Syariah PTB Unit Trust Berhad, sebagaimana maklumat yang dibentangkan dengan ini mengesahkan bahawa;

- (a) Sepanjang pengetahuan kami, setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, PTB Unit Trust Berhad telah mengendalikan dan menguruskan Amanah Saham Darul Iman ("Tabung Amanah") dalam tempoh yang terangkum oleh penyata kewangan ini yang berakhir pada 30 April 2024 mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi garis panduan, peraturan dan keputusan yang terpakai yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SSM") berkaitan dengan hal-hal Syariah; dan
- (b) Aset-aset Tabung Amanah terdiri daripada instrumen-instrumen yang dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah ("MPS") SSM dan MPS Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah

Prof. Dr. Muhamad Rahimi bin Osman

Abdul Halim bin Awang @ Sulong

Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
23 Jun 2024



» LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada pemegang-pemegang unit Amanah Saham Darul Iman

Kami, selaku Pemegang Amanah kepada Tabung Amanah bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 April 2024 dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, **PTB Unit Trust Berhad** telah melaksana dan mengurus Tabung Amanah dalam tempoh kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut surat ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan surat ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan pembatalan unit dilaksanakan adalah selaras dengan surat ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk dan bagi pihak
CIMB Islamic Trustee Berhad

Datin Ezreen Eliza Zulkiplee
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
24 Jun 2024



►► PENYATA KEWANGAN

Penyata kedudukan kewangan yang tidak diaudit pada 30 April 2024

	Nota	2024 RM	Pada 31.10.2023 RM
Aset			
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")	4	70,632,443	83,556,326
Terhutang daripada lain-lain institusi kewangan dan syarikat broker saham		-	5,175,055
Dividen belum diterima		27,765	4,113
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan belum diterima		132,399	14,889
Deposit dengan institusi-institusi kewangan	5	50,062,634	26,118,706
Tunai di bank		16,679	2,921
Jumlah aset		<u>120,871,920</u>	<u>114,872,010</u>
Liabiliti			
Terhutang kepada lain-lain institusi kewangan dan syarikat broker saham		-	191,988
Terhutang kepada Pengurus		145,272	146,308
Terhutang kepada Pemegang Amanah		8,716	8,778
Peruntukan pengagihan pendapatan		-	2,440,355
Lain-lain pemiutang		-	21,500
Jumlah liabiliti		<u>153,988</u>	<u>2,808,929</u>
Jumlah nilai aset bersih		<u>120,717,932</u>	<u>112,063,081</u>
Kepentingan pemegang unit			
Modal pemegang unit	6	449,664,515	449,737,606
Kerugian terkumpul	8	(328,946,583)	(337,674,525)
Jumlah kepentingan pemegang unit		<u>120,717,932</u>	<u>112,063,081</u>
Jumlah kepentingan pemegang unit dan liabiliti		<u>120,871,920</u>	<u>114,872,010</u>
Bilangan unit dalam pengedaran		<u>487,783,000</u>	<u>488,071,000</u>
Nilai aset bersih seunit, selepas pengagihan (RM)	9	<u>0.2475</u>	<u>0.2296</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



► PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain yang tidak diaudit bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 April 2024

	Nota	30.04.2024 RM	30.04.2023 RM
Pendapatan			
Penerimaan dividen daripada pelaburan pada FVTPL		1,315,159	2,962,835
(Kerugian)/keuntungan daripada jualan pelaburan pada FVTPL		(41,837,512)	370,553
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan		875,757	227,515
Lain-lain pendapatan		47	67
Keuntungan belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan FVTPL		54,249,058	3,216,573
Jumlah pendapatan kasar		14,602,509	6,777,543
Perbelanjaan			
Hapus kira pelaburan pada FVTPL		4,718,088	-
Yuran pengurus	10	863,078	805,227
Yuran pemegang amanah	11	51,785	48,314
Yuran pembrokeran		127,807	24,345
Perbelanjaan pentadbiran		113,809	84,298
Jumlah perbelanjaan		5,874,567	962,184
Keuntungan bersih sebelum cukai		8,727,942	5,815,359
Cukai	12	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa		8,727,942	5,815,359
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa terdiri daripada berikut:			
Direalisasikan		(45,521,116)	2,598,786
Belum direalisasikan		54,249,058	3,216,573
		8,727,942	5,815,359

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



►► PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

Penyata perubahan dalam nilai aset bersih yang tidak diaudit bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 April 2024

	Nota	Modal pemegang unit RM	Kerugian terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 November 2022		449,634,435	(346,745,841)	102,888,594
Penjadian unit	6	403,035	-	403,035
Pembatalan unit	6	(299,864)	-	(299,864)
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tahun semasa	8	-	11,511,671	11,511,671
Pengagihan pendapatan		-	(2,440,355)	(2,440,355)
Pada 31 Oktober 2023		449,737,606	(337,674,525)	112,063,081
Pada 1 November 2023		449,737,606	(337,674,525)	112,063,081
Penjadian unit	6	188,297	-	188,297
Pembatalan unit	6	(261,388)	-	(261,388)
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tempoh semasa	8	-	8,727,942	8,727,942
Pada 30 April 2024		449,664,515	(328,946,583)	120,717,932

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



► PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

Penyata aliran tunai tidak diaudit bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 April 2024

	30.04.2024 RM	30.04.2023 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi dan pelaburan		
Bayaran bagi pembelian sekuriti ekuiti	(51,532,884)	(9,754,159)
Bayaran ganjaran juruaudit	(21,500)	(21,500)
Bayaran belanja pentadbiran	(47,172)	(69,780)
Bayaran kepada Pemegang Amanah	(51,847)	(48,303)
Bayaran kepada Pengurus	(864,115)	(805,054)
Penerimaan daripada pelbagai pendapatan	47	67
Penerimaan daripada penjualan sekuriti ekuiti	76,938,848	3,893,773
Penerimaan dividen daripada pelaburan pada FVTPL	1,291,507	2,729,801
Penerimaan keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan	758,248	223,324
Tunai bersih dijanakan daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi dan pelaburan	<u>26,471,132</u>	<u>(3,851,831)</u>
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan		
Bayaran bagi pembatalan unit	(261,388)	(195,332)
Bayaran pengagihan pendapatan	(2,440,355)	(5,363,006)
Penerimaan bagi penjadian unit	188,298	403,035
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(2,513,445)</u>	<u>(5,155,303)</u>
Pertambahan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	23,957,687	(9,007,134)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan	26,121,627	20,538,540
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh kewangan	<u>50,079,314</u>	<u>11,531,406</u>
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
Deposit dengan institusi-institusi kewangan (Nota 5)	50,062,634	11,511,987
Tunai di bank	16,679	19,419
	<u>50,079,313</u>	<u>11,531,406</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.



► **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Nota-nota kepada penyata kewangan yang tidak diaudit bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 April 2024

1. Tabung Amanah, Pengurus dan kegiatan-kegiatan utama

Amanah Saham Darul Iman (berikutnya dirujuk sebagai “Tabung Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan suatu Surat Ikatan bertarikh 24 Oktober 1994 dan beberapa Surat Ikatan Tambahan di antara Pengurus (PTB Unit Trust Berhad (“PUTB”)), Pemegang Amanah (CIMB Islamic Trustee Berhad) serta pemegang-pemegang unit.

Kegiatan utama Tabung Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang dijelaskan di bawah Fasal 1 Surat Ikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek, stok dan saham atau debentur syarikat yang tersiarharga di mana-mana Bursa Saham yang diiktiraf atau mana-mana saham syarikat tak tersiarharga yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah dengan syarat pada setiap masa, kesemua pelaburan tersebut mengikut ketetapan Syariah. Tabung Amanah ini mula beroperasi pada 31 Oktober 1994 dan akan diteruskan sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 30 Surat Ikatan.

PUTB ialah sebuah syarikat liabiliti terhad yang diperbadankan di Malaysia. Syarikat induk ialah Permodalan Terengganu Berhad (“PTB”), sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia. Perbadanan induk utama ialah Menteri Besar (Incorporated) Terengganu, sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri Terengganu No. 1, 1951, Menteri Besar (Incorporation). Kegiatan utama PUTB ialah mengurus tabung unit amanah. Lokasi utama perniagaan adalah di No. 29.01 KT Business Centre, Jalan Sultan Mohamad, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

PTB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di mana kegiatan utamanya ialah sebagai pemegang pelaburan.

2. Rumusan dasar-dasar perakaunan penting

2.1 Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Tabung Amanah telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - “MFRS”), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standard - “IFRS”) dan Garis Panduan Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di Malaysia.

Penyata kewangan Tabung Amanah telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan yang berkaitan.

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (“RM”).



2. Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Pendedahan dan pengukuran berkenaan pematuhan terhadap 'MFRSS' dan Interpretasi IC ('Issues Committee') bagi tempoh enam bulan berakhir adalah tertakluk kepada penyata kewangan tahunan yang akan diaudit bagi tahun berakhir 31 Oktober 2024.

2.3 Perbandingan

Perbandingan bagi penyata kewangan yang dibentang adalah seperti berikut:

- (i) Perbandingan bagi penyata kedudukan kewangan dan nota-nota berkaitan adalah pada 31 Oktober 2023.
- (ii) Perbandingan bagi penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam nilai aset bersih, penyata aliran tunai dan nota-nota berkaitan adalah bagi tempoh tidak diaudit daripada 1 November 2023 hingga 30 April 2024.

2.4 Anggaran perakaunan dan penilaian penting

Penyediaan penyata kewangan Tabung Amanah memerlukan Pengurus membuat penilaian, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset-aset dan liabiliti yang dilaporkan, pendedahan tentang liabiliti luar jangka pada tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini boleh mengakibatkan keputusan yang menyebabkan pelarasan yang besar kepada nilai dibawa aset atau liabiliti yang terjejas pada masa hadapan.

Tiada andaian penting berkenaan masa depan dan lain-lain ketidakpastian sumber anggaran penting pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan yang berikutnya.

2.5 Aset-aset kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan tarikh perdagangan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengelasan aset tersebut.

2. Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

(a) Pengelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosot nilai (kecuali instrumen yang ditetapkan pada FVTPL pada permulaan pengiktirafan):

- aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual; dan
- terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan keuntungan semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas dikelaskan sebagai aset kewangan pada FVTPL atau pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVOCI").

Instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL atau FVOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(b) Kos dilunaskan dan kaedah kadar keuntungan berkesan

Kaedah kadar keuntungan berkesan ialah kaedah untuk mengira kos dilunaskan bagi sesuatu instrumen hutang dan bagi memperuntukkan pendapatan keuntungan bagi sesuatu tempoh. Kadar keuntungan berkesan ialah kadar yang mengambilkira anggaran terimaan tunai masa hadapan yang telah didiskaunkan (termasuk yuran yang dibayar atau diterima yang merupakan sebahagian dari kadar keuntungan berkesan tersebut, kos transaksi dan lain-lain premium atau diskaun) di sepanjang tempoh hayat instrumen hutang tersebut, atau, bagi jangka masa pendek, pada nilai bersih yang dibawa pada permulaan pengiktirafan.

Pendapatan diiktiraf atas asas kadar keuntungan berkesan bagi instrumen hutang yang dikira pada kos dilunaskan.

Aset pada kos dilunaskan terdiri daripada tunai di bank, deposit dengan institusi-institusi kewangan dan lain-lain penghutang

(c) Aset kewangan pada FVTPL

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Tabung Amanah menetapkan pelaburan tersebut bukan untuk dijualbeli dan di permulaan pengiktirafan sebagai FVOCI.

Instrumen hutang yang tidak menepati kriteria kos dilunaskan akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati kriteria kos dilunaskan tetapi telah ditetapkan sebagai FVTPL

2. Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

(c) Aset kewangan pada FVTPL (sambungan)

sekiranya penetapan tersebut akan mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau pengiktirafan aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Tabung Amanah telah menetapkan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan kriteria kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengelasan semula instrumen hutang yang ditetapkan sebagai FVTPL pada permulaan ia diiktiraf, adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan pada FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam untung atau rugi.

Pendapatan keuntungan atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan secara berasingan dalam untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTPL dikira dalam untung atau rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan dan dinyatakan secara berasingan dalam untung atau rugi.

Semua sekuriti ekuiti dan amanah pelaburan hartanah Islam ("REIT") yang dimiliki oleh Tabung Amanah dikelaskan sebagai FVTPL.

(d) Aset kewangan pada FVOCI

Pada permulaan pengiktirafan, Tabung Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarik balik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menetapkan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVOCI. Penetapan sebagai FVOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- ianya diperolehi dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Tabung Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untuk jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditetapkan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

2. Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

(d) Aset kewangan pada FVOCI (sambungan)

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVOCI pada permulaan diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Seterusnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab penilaian pelaburan. Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi semasa pelupusan pelaburan tersebut.

Instrumen hutang yang mempunyai objektif untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual dan untuk penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVOCI.

Tabung Amanah tidak mempunyai aset kewangan yang ditetapkan sebagai FVOCI.

(e) Rosot nilai dalam aset kewangan

Tabung Amanah mengiktiraf peruntukan rosot nilai untuk 'Expected Credit Losses' ("ECL") bagi instrumen-instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (iaitu aset-aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). ECL adalah berdasarkan perbezaan di antara aliran tunai secara kontraktual dan aliran tunai yang dijangka akan diterima oleh Tabung Amanah, didiskaunkan menggunakan anggaran kadar faedah efektif asal.

Tabung Amanah menggunakan pendekatan ringkas untuk pengiraan ECL bagi semua aset kewangan pada kos dilunaskan. Tabung Amanah tidak menjejak perubahan dalam risiko kredit tetapi mengiktiraf elaun kerugian berdasarkan ECL dijangka sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. Tabung Amanah mempertimbangkan pengalaman lampau untuk menganggar kerugian rosot nilai dijangka. Metodologi dan andaian yang digunakan disemak secara berkala.



2. Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

(f) Penyahiktirafan aset kewangan

Tabung Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Tabung Amanah memindahmilik aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Tabung Amanah tidak memindahmilik dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Tabung Amanah hendaklah mengambilkira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Tabung Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulangan pemilikan, Tabung Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata terkumpul dipindahkan ke untung atau rugi semasa pelupusan.

(g) Hapus kira

Aset-aset kewangan dihapuskira sama ada sebahagian atau keseluruhan hanya apabila Tabung Amanah telah berhenti dalam proses pemulihannya. Jika jumlah hapus kira lebih besar daripada peruntukan elaun kerugian terkumpul, perbezaannya akan direkod sebagai tambahan kepada peruntukan elaun kerugian yang kemudian akan digunapakai terhadap nilai dibawa kasar.

(h) Penentuan nilai saksama

Nilai saksama ialah harga yang patut diterima bila menjual aset atau bayaran untuk memindah liabiliti dalam suatu transaksi teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan andaian bahawa transaksi menjual aset atau memindah liabiliti dalam keadaan berikut:

- dalam pasaran utama untuk aset atau liabiliti; atau
- dalam ketiadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling berfaedah untuk aset atau liabiliti.

2. Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

(h) Penentuan nilai saksama (sambungan)

Nilai saksama aset atau liabiliti diukur menggunakan andaian bahawa peserta pasaran akan menggunakannya apabila menilai harga aset atau liabiliti, dengan anggapan bahawa peserta pasaran akan bertindak mengikut manfaat ekonomi yang terbaik.

Tabung Amanah menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan di mana maklumat yang mencukupi akan diperolehi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan input relevan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira kebolehan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset pada tahap terbaik dan tertinggi penggunaannya atau menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang akan menggunakan aset tersebut pada tahap terbaik dan tertinggi penggunaannya.

Analisa nilai saksama aset kewangan dan perincian lanjut pengukuran adalah seperti dalam Nota 14.

Untuk instrumen kewangan diukur pada nilai saksama, jika tersedia harga pasaran disenaraikan dan boleh diperhatikan dalam pasaran aktif akan digunakan untuk mengukur nilai saksama. Ini termasuk sekuriti ekuiti tersenarai di Bursa Malaysia.

2.6 Liabiliti Kewangan

(a) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasi berdasarkan kepada ciri-ciri perkiraan kontrak yang disertai dan definisi liabiliti kewangan. Tabung Amanah mengklasifikasi hutang kepada broker dan institusi kewangan, hutang kepada Pengurus, hutang kepada Pemegang Amanah, peruntukan pengagihan pendapatan dan hutang jangka pendek yang lain dalam kategori ini. Liabiliti kewangan diiktiraf pertama kali pada nilai saksama dan dinilai selanjutnya pada kos pelunasan.

(b) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Tabung Amanah menyahiktirafan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajibannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar dan akan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam untung atau rugi.



2. Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

2.7 Modal pemegang unit

Sumbangan pemegang unit kepada Tabung Amanah menepati definisi 'puttable instrument' yang diklasifikasi sebagai instrumen ekuiti di bawah pindaan MFRS 132: *Instrumen Kewangan: Pembentangan*.

2.8 Pengagihan

Pengagihan adalah di atas budi bicara Tabung Amanah. Pengagihan kepada pemegang unit diambil kira sebagai potongan daripada rizab yang direalisasikan. Pengagihan yang dicadangkan diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh di mana ia diluluskan.

2.9 Tunai dan kesetaraan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank, deposit jangka pendek, pelaburan kecairan tinggi yang sedia untuk ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.10 Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan akan mengalir kepada Tabung Amanah dan pendapatan boleh diukur dengan pasti. Pendapatan dinilai pada nilai saksama balasan yang diterima atau akan diterima.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila Tabung Amanah mendapat hak untuk menerima bayaran telah terbukti.

Keuntungan daripada jualan pelaburan diambil kira berasaskan kepada perbezaan di antara nilai bersih jualan dengan kos purata pelaburan. Nilai bersih jualan ialah nilai jualan selepas mengambil kira semua kos-kos jualan yang terlibat.

Keuntungan daripada pelaburan di pasaran wang diiktiraf berasaskan kaedah kadar purata wajaran.

2.11 Pengiktirafan keuntungan dan kerugian direalisasi dan tidak direalisasi

Keuntungan dan kerugian yang tidak direalisasi terdiri daripada perubahan nilai saksama dalam aset kewangan bagi tempoh kewangan dan juga daripada pembalikan keuntungan dan kerugian yang tidak direalisasi dalam tempoh sebelumnya tetapi telah direalisasi (iaitu dijual, ditebus atau telah matang) dalam tempoh pelaporan tersebut.

Keuntungan dan kerugian yang direalisasi daripada pelupusan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada FVTPL dikira menggunakan kaedah purata berwajaran. Ianya mencerminkan perbezaan di antara amaun bawaan permulaan instrumen kewangan dan amaun pelupusan.

2. Rumusan dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

2.12 Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa dinilai pada amaun yang dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Kadar cukai dan undang-undang percukaian digunakan untuk mengira jumlah cukai seperti yang termaktub atau termaktub secara sah pada tarikh pelaporan.

3. Objektif dan polisi untuk pengurusan risiko kewangan

Tabung Amanah terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada operasinya dan penggunaan instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko pasaran, risiko kadar keuntungan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pengelasan semula status Syariah. Objektif pengurusan risiko kewangan adalah untuk memastikan dana diuruskan pada kadar risiko yang munasabah dan seterusnya dapat memberikan peningkatan nilai kepada pemegang-pemegang unit.

(a) Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan pada instrumen kewangan yang akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam pembolehubah pasaran seperti kadar faedah, kadar tukaran asing dan harga ekuiti. Walau bagaimanapun, Tabung Amanah tidak terdedah kepada risiko tukaran asing kerana semua pelaburannya adalah dalam matawang RM.

(i) Risiko harga ekuiti

Risiko harga ekuiti berlaku apabila nilai sekuriti turun naik akibat dipengaruhi oleh prestasi pasaran saham dan keadaan ekonomi. Risiko ini dapat dikurangkan dengan kepelbagaian portfolio pelaburan Tabung Amanah. Kedudukan harga pasaran sekuriti diawasi setiap hari dan prestasinya dilaporkan kepada Jawatankuasa Pelaburan secara bulanan.

Pertambahan/(pengurangan) nilai aset bersih pada tarikh pelaporan, sekiranya harga ekuiti dianggap berubah sebanyak +/- (-) 5% (2023: +/- 5%) dan kesemua pembolehubah lain adalah malar, ialah berjumlah +/- RM3,531,622 (2023: RM4,880,236). Analisa ini hanyalah bertujuan untuk gambaran sahaja dan bukannya petunjuk kepada perubahan pada masa hadapan.

Pemusatan risiko harga ekuiti

Jadual berikut menganalisa pemusatan risiko harga ekuiti dalam portfolio ekuiti Tabung Amanah berdasarkan nilai saksama mengikut pembahagian industri:

3. Objektif dan polisi untuk pengurusan risiko kewangan (sambungan)

(a) Risiko pasaran (sambungan)

(i) Risiko harga ekuiti (sambungan)

	2024 %	2023 %
Barangan Pengguna & Perkhidmatan	16.03	8.23
Telekomunikasi & Media	15.84	17.74
Teknologi	15.55	6.24
Pembinaan	11.82	19.10
Barangan Industri & Perkhidmatan	6.66	7.29
Perladangan	6.64	5.59
Utiliti	6.47	9.62
Pengangkutan & Logistik	6.12	3.23
Kewangan	5.70	5.75
Tenaga	5.03	7.67
Penjagaan Kesihatan	2.51	2.42
Hartanah	1.63	7.12
Jumlah pelaburan tersiar harga	<u>100.00</u>	<u>100.00</u>

(ii) Risiko kadar keuntungan

Sekuriti berpendapatan tetap dan bon adalah terdedah kepada risiko kadar keuntungan.

Tabung Amanah tidak menghadapi risiko pergerakan kadar keuntungan yang ketara berikutan keseluruhan deposit kewangannya adalah di bank dan institusi kewangan berlesen yang beroperasi berasaskan prinsip-prinsip Syariah. Deposit di institusi-institusi kewangan mempunyai purata kematangan kurang daripada 1 tahun.

Pertambahan/(pengurangan) nilai aset bersih pada tarikh pelaporan, sekiranya kadar keuntungan dianggap berubah sebanyak +/- 50 mata (2023: +/- 50 mata) asas dan kesemua pembolehubah lain adalah malar, ialah berjumlah +/- RM16,413 (2023: RM1,657). Analisa ini hanyalah bertujuan untuk gambaran sahaja dan bukannya petunjuk kepada perubahan pada masa hadapan.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada keupayaan pihak-pihak yang berurusan dengan Tabung Amanah untuk menyelesaikan komitmen kewangan kepada Tabung Amanah dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tabung Amanah tidak menghadapi risiko kredit yang ketara kerana keseluruhan operasinya adalah berasaskan tunai. Jumlah terhutang daripada syarikat pembrokeran diterima dalam tempoh dua (2)



3. Objektif dan polisi untuk pengurusan risiko kewangan (sambungan)

(b) Risiko kredit (sambungan)

hari urusniaga. Deposit juga ditempatkan dengan institusi-institusi kewangan dengan penilaian 'sound ratings'.

Tiada aset kewangan Tabung Amanah yang dianggap lewat tempoh dan merosot nilainya.

(c) Risiko kecairan

Tabung Amanah mengekalkan tahap tunai yang mencukupi bagi memastikan segala pembayaran dapat dilaksanakan.

Dalam hal ini, Tabung Amanah tidak menghadapi risiko kecairan yang ketara kerana deposit dengan institusi-institusi kewangan mudah ditukar ke tunai tanpa mempunyai risiko perubahan pada nilainya.

Sebahagian besar daripada pelbagai pemiutang adalah terdiri daripada jumlah terhutang kepada Pengurus dan Pemegang Amanah yang dijelaskan pada setiap bulan mengikut tempoh kewangan Tabung Amanah.

(d) Risiko pengkelasan semula status Syariah.

Risiko ini merujuk kepada sekuriti dalam portfolio Tabung Amanah yang pada mulanya patuh Syariah berubah kepada tidak patuh Syariah. Sekiranya ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah bersesuaian untuk melupuskan sekuriti tersebut selaras dengan ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Jawatankuasa Syariah.

(e) Pengurusan modal

Modal Tabung Amanah terdiri daripada sumbangan oleh pemegang-pemegang unit. Jumlah modal boleh berubah dengan ketara setiap hari berikutan penebusan dan langganan unit oleh pemegang-pemegang unit. Pengurus mengendalikan modal Tabung Amanah berdasarkan objektif seperti yang dinyatakan dalam Nota 1 di samping mengekalkan tahap tunai yang mencukupi untuk pembayaran penebusan unit oleh pemegang-pemegang unit.

4. Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (“FVTPL”)

	Pada 30.04.2024 RM	Pada 31.10.2023 RM
Sekuriti ekuiti		
- Aset kewangan pada FVTPL	64,602,301	78,422,840
Amanah pelaburan hartanah Islam (“REIT”)		
- Aset kewangan pada FVTPL	6,030,142	5,133,486
	<u>70,632,443</u>	<u>83,556,326</u>

Pelaburan oleh Tabung Amanah direkod pada nilai saksama berdasarkan harga pasaran di pasaran aktif bagi setiap aset yang serupa.

Nilai saksama dinilai berdasarkan harga tutup yang disiarkan di pasaran pada tarikh pelaporan.

Semua sekuriti ekuiti yang dimiliki oleh Tabung Amanah adalah diklasifikasi berdasarkan kegiatan utama seperti yang diklasifikasikan oleh Bursa Malaysia pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Nota-nota berkenaan penyata kewangan 30 April 2024

4. Pelaburan pada FVTPL (sambungan)

Pelaburan-pelaburan pada FVTPL pada 30 April 2024 adalah seperti berikut:

4.1 Pelaburan tersiar harga

Nama syarikat	Kuantiti Unit	Kos pembelian RM	Nilai pasaran pada 30.04.2024 RM	Peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung Amanah %
Sekuriti ekuiti				
Barangan Penggunaan & Perkhidmatan				
AEON Co. (M) Bhd	1,000,000	1,119,802	1,110,000	0.92
DRB-HICOM Bhd	2,131,900	3,337,246	2,984,660	2.47
Guan Chong Bhd	89,400	163,279	244,956	0.20
Innature Bhd	843,100	241,815	248,715	0.21
Jaycorp Bhd	446,400	336,342	325,872	0.27
Magni-Tech Industries Bhd	1,317,700	2,764,056	2,912,117	2.41
Mr D.I.Y Group (M) Bhd	325,000	478,932	507,000	0.42
Power Root Bhd	868,200	1,438,139	1,501,986	1.24
Sime Darby Bhd	185,000	418,422	518,000	0.43
	<u>7,206,700</u>	<u>10,298,033</u>	<u>10,353,306</u>	<u>8.57</u>
Barangan Industri & Perkhidmatan				
Dufu Technology Corp. Bhd	387,900	670,663	830,106	0.69
Petronas Chemicals Group Bhd	115,200	772,439	781,056	0.65
Press Metal Aluminium Holdings Bhd	107,500	486,555	577,275	0.48
Scientex Bhd	70,000	264,820	294,000	0.24
V.S Industry Bhd	2,000,000	1,611,262	1,820,000	1.51
	<u>2,680,600</u>	<u>3,805,739</u>	<u>4,302,437</u>	<u>3.57</u>



4. Pelaburan pada FVTPL (sambungan)

4.1 Pelaburan tersiar harga (sambungan)

Nama syarikat	Kuantiti Unit	Kos pembelian RM	Nilai pasaran pada 30.04.2024 RM	Peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung Amanah %
Sekuriti ekuiti				
Pembinaan				
Gamuda Bhd	1,059,400	5,203,103	5,625,414	4.66
Muhibbah Engineering (M) Bhd	1,332,600	1,047,374	1,259,307	1.04
WCT Holdings Bhd	1,425,200	749,797	748,230	0.62
	<u>3,817,200</u>	<u>7,000,274</u>	<u>7,632,951</u>	<u>6.32</u>
Telekomunikasi & Media				
Axiata Group Bhd	200,000	500,200	566,000	0.47
Celcomdigi Bhd	878,800	3,672,212	3,647,020	3.02
Maxis Bhd	888,000	3,345,312	3,258,960	2.70
Time Dotcom Bhd	535,500	2,742,560	2,763,180	2.29
	<u>2,502,300</u>	<u>10,260,284</u>	<u>10,235,160</u>	<u>8.48</u>
Pengangkutan & Logistik				
MISC Bhd	120,000	835,428	955,200	0.79
TASCO Bhd	768,600	631,139	641,781	0.53
Westports Holdings Bhd	602,800	2,140,638	2,356,948	1.95
	<u>1,491,400</u>	<u>3,607,205</u>	<u>3,953,929</u>	<u>3.27</u>

4. Pelaburan pada FVTPL (sambungan)

4.1 Pelaburan tersiar harga (sambungan)

Nama syarikat	Kuantiti Unit	Kos pembelian RM	Nilai pasaran pada 30.04.2024 RM	Peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung Amanah %
Sekuriti ekuiti				
Utiliti				
Gas Malaysia Bhd	620,600	1,817,596	2,246,572	1.86
Tenaga Nasional Bhd	161,500	1,742,936	1,931,540	1.60
	<u>782,100</u>	<u>3,560,532</u>	<u>4,178,112</u>	<u>3.46</u>
Teknologi				
CTOS Digital Bhd	112,000	138,014	157,920	0.13
Datasonic Group Bhd	1,586,600	705,668	729,836	0.60
D&O Green Technologies Bhd	698,500	2,252,670	2,319,020	1.92
GHL Systems Bhd	966,500	604,503	710,378	0.59
Globetronics Technology Bhd	840,000	1,099,123	1,058,400	0.88
Greatech Technology Bhd	300,000	1,346,172	1,350,000	1.12
My E.G. Services Bhd	2,000,000	1,569,590	1,870,000	1.55
UWC Bhd	600,000	1,811,573	1,848,000	1.53
	<u>7,103,600</u>	<u>9,527,313</u>	<u>10,043,554</u>	<u>8.32</u>
Tenaga				
Dialog Group Bhd	885,400	1,576,697	2,133,814	1.77
Hibiscus Petroleum Bhd	306,300	733,265	833,136	0.69
Uzma Bhd	235,500	176,625	284,955	0.24
	<u>1,427,200</u>	<u>2,486,587</u>	<u>3,251,905</u>	<u>2.70</u>
Kewangan				
Bank Islam Malaysia Bhd	267,900	600,564	685,824	0.57
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Bhd	810,400	2,998,960	2,998,480	2.48
	<u>1,078,300</u>	<u>3,599,524</u>	<u>3,684,304</u>	<u>3.05</u>



4. Pelaburan pada FVTPL (sambungan)

4.1 Pelaburan tersiar harga (sambungan)

Nama syarikat	Kuantiti Unit	Kos pembelian RM	Nilai pasaran pada 30.04.2024 RM	Peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung Amanah %
Sekuriti ekuiti				
Hartanah				
Eastern & Oriental Bhd	91,052	77,132	92,873	0.08
Malaysian Resources Corporation Bhd	1,105,000	813,930	828,750	0.69
IskandarWaterfront City Bhd	200,000	96,000	134,000	0.11
	<u>1,396,052</u>	<u>987,062</u>	<u>1,055,623</u>	<u>0.88</u>
Penjagaan Kesihatan				
Duopharma Biotech Bhd	1,372,100	1,667,508	1,619,078	1.34
	<u>1,372,100</u>	<u>1,667,508</u>	<u>1,619,078</u>	<u>1.34</u>
Perladangan				
IOI Corporation Bhd	581,400	2,302,239	2,366,297	1.96
Kuala Lumpur Kepong Bhd	4,100	86,555	94,874	0.08
TA Ann Holdings Bhd	350,500	1,287,345	1,482,615	1.23
TSH Resources Bhd	305,400	292,852	348,156	0.29
	<u>1,241,400</u>	<u>3,968,991</u>	<u>4,291,942</u>	<u>3.56</u>

4. Pelaburan pada FVTPL (sambungan)

4.1 Pelaburan tersiar harga (sambungan)

Nama syarikat	Kuantiti Unit	Kos pembelian RM	Nilai pasaran pada 30.04.2024 RM	Peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung Amanah %
Sekuriti ekuiti				
Notis Amalan 17 (PN 17)**				
Serba Dinamik Holdings Bhd	3,057,260	-	-	0.00
Serba Dinamik Holdings Bhd - Waran	81,360	-	-	0.00
	<u>3,138,620</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>0.00</u>
Jumlah sekuriti ekuiti tersiar harga	<u>35,237,572</u>	<u>60,769,052</u>	<u>64,602,301</u>	<u>53.52</u>
Amanah Pelaburan Hartanah Islam ("REIT")				
Al-'Aqar Healthcare REIT	1,893,000	2,688,474	2,479,830	2.05
Axis REIT	660,000	1,168,200	1,267,200	1.05
KLCC Property & REIT	302,800	2,228,907	2,283,112	1.89
	<u>2,855,800</u>	<u>6,085,581</u>	<u>6,030,142</u>	<u>4.99</u>
Jumlah Pelaburan pada FVTPL	<u>38,093,372</u>	<u>66,854,633</u>	<u>70,632,443</u>	<u>58.51</u>
Lebihan nilai pasaran berbanding kos pembelian			<u>3,777,810</u>	



5. Deposit dengan institusi-institusi kewangan

	Pada 30.04.2024 RM	Pada 31.10.2023 RM
Pelaburan dalam pasaran wang Islam:		
Tempoh matang dalam 90 hari	50,062,634	26,118,706

Kadar keuntungan purata wajaran dan purata baki tempoh matang untuk deposit dengan institusi-institusi kewangan pada akhir tempoh kewangan adalah seperti berikut:

	Kadar keuntungan purata efektif		Purata baki tempoh matang	
	2024	2023	2024	2023
	%	%	hari	hari
Pelaburan dalam pasaran wang Islam	3.52	2.90	29	11

6. Modal pemegang unit

	2024 RM		2023 RM	
Unit dibenarkan	500,000,000		500,000,000	
	Pada 30.04.2024		Pada 31.10.2023	
	Unit	RM	Unit	RM
Diterbitkan dan dibayar penuh:				
Pada awal tahun	488,071,000	449,737,606	487,546,000	449,634,435
Penjadian	815,000	188,297	1,845,000	403,035
Pembatalan	(1,103,000)	(261,388)	(1,320,000)	(299,864)
Pada akhir tahun	<u>487,783,000</u>	<u>449,664,515</u>	<u>488,071,000</u>	<u>449,737,606</u>

Mengikut Surat Ikatan, bilangan maksimum unit yang boleh dikeluarkan untuk pendedaran adalah 500,000,000 unit. Pada 30 April 2024, bilangan unit yang belum dikeluarkan adalah 12,217,000 (2023: 11,267,000).

7. Pegangan unit oleh Pengurus dan pihak berkaitan

Pada 30 April 2024 dan 30 April 2023, jumlah dan nilai unit yang dipegang oleh Pengurus dan pihak berkaitan adalah seperti berikut:

	2024		2023	
	Unit	RM	Unit	RM
Pengurus	51,673	12,788	129,349	28,837
Pengarah (kepada syarikat Pengurus)	1,361	337	1,333	297
	<u>53,034</u>	<u>13,125</u>	<u>130,682</u>	<u>29,134</u>



8. Kerugian terkumpul

	Direalisasikan RM	Belum direalisasikan RM	Jumlah RM
Pada 1 November 2022	(287,430,175)	(59,315,666)	(346,745,841)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun semasa	2,667,253	(8,844,418)	(11,511,671)
Pengagihan pendapatan	<u>(2,440,355)</u>	<u>-</u>	<u>(2,440,355)</u>
Pada 31 Oktober 2023	<u>(287,203,277)</u>	<u>(50,471,248)</u>	<u>(337,674,525)</u>
Pada 1 November 2023	(287,203,277)	(50,471,248)	(337,674,525)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	<u>(45,521,116)</u>	<u>54,249,058</u>	<u>8,727,942</u>
Pada 30 April 2024	<u>(332,724,393)</u>	<u>3,777,810</u>	<u>(328,946,583)</u>

9. Nilai aset bersih seunit, selepas pengagihan

Nilai aset bersih seunit telah dikira dengan membahagikan nilai aset bersih Tabung Amanah berjumlah RM120,717,932 (31.10.2023: RM112,063,081) dengan unit dalam pengedaran pada 30 April 2024 berjumlah 487,783,000 (31.10.2023: 488,071,000) unit.

10. Yuran Pengurus

Fasal 42(7) Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun berdasarkan nilai aset kasar Tabung Amanah yang diakru secara harian. Yuran Pengurus yang dikenakan bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 April 2024 adalah 1.5% (2023:1.5%) setahun berdasarkan nilai aset kasar Tabung Amanah yang dikira secara harian.

11. Yuran Pemegang Amanah

Fasal 42(8) Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar tidak melebihi 0.1% setahun berdasarkan nilai aset kasar Tabung Amanah yang diakru secara harian. Yuran Pemegang Amanah bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 April 2024 adalah 0.09% (2023:0.09%) setahun berdasarkan nilai aset kasar Tabung Amanah yang dikira secara harian.

12. Cukai

Cukai pendapatan domestik dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 24% (2023: 24%) daripada anggaran keuntungan/(kerugian) boleh taksir bagi tempoh kewangan semasa.

Caj cukai Malaysia bagi tempoh kewangan semasa merupakan cukai yang dikenakan ke atas pendapatan dividen dan pendapatan faedah yang tidak dikecualikan dari cukai pendapatan, selepas ditolak perbelanjaan yang dibenarkan. Pendapatan faedah tertentu dikecualikan daripada cukai



12. Cukai (sambungan)

pendapatan di bawah Para 35 dan 35A, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Penyesuaian manfaat cukai pendapatan bagi keuntungan/(kerugian) sebelum cukai pada kadar 24% (2023: 24%) dengan belanja cukai yang dikenakan dalam penyata untung atau rugi adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Keuntungan sebelum cukai	8,727,942	5,815,359
Cukai pada Kadar 24% (2023: 24%)	2,094,706	1,395,686
Kesan cukai ke atas:		
Pendapatan tidak dikenakan cukai (Kerugian) belum direalisasikan	9,515,172 (13,019,774)	(854,633) (771,978)
Belanja tidak dibenarkan	1,409,896	230,925
Jumlah cukai	<u>-</u>	<u>-</u>

Keuntungan belum direalisasikan dikecualikan dari cukai pendapatan/tidak dikira sebagai potongan yang dibenarkan.

13. Urus niaga dengan broker dan institusi kewangan

Perincian transaksi dengan broker dan institusi kewangan bagi tempoh berakhir adalah seperti berikut:

Nama	Nilai urus niaga RM	Peratus atas nilai urusniaga %	Yuran broker RM	Peratus nilai yuran broker %
Maybank Investment Bank Bhd	15,137,319	12.29	34,467	11.30
RHB Investment Bank Bhd	13,957,642	11.33	34,919	11.45
AmlInvestment Bank Bhd	13,796,367	11.20	34,576	11.34
Kenanga Investment Bank Bhd	13,688,314	11.11	34,260	11.23
Hong Leong Investment Bank Bhd	13,438,869	10.91	33,632	11.03
Affin Investment Bank Bhd	13,419,152	10.89	33,549	11.00
MIDF Amanah Investment Bank Bhd	13,373,672	10.86	33,521	10.99
BIMB Securities Sdn Bhd	13,342,024	10.83	33,508	10.99
CIMB Investment Bank Bhd	13,027,125	10.58	32,593	10.69
Jumlah	<u>123,180,484</u>	<u>100.00</u>	<u>305,025</u>	<u>100.00</u>

Semua syarikat pembrokeran dan institusi kewangan di atas bukanlah pihak yang berkaitan dengan Pengurus.



13. Urus niaga dengan broker dan institusi kewangan (sambungan)

Tiada jumlah terhutang daripada/kepada syarikat pembrokeran dan institusi kewangan dalam tempoh kewangan enam bulan berakhir semasa.

14. Instrumen kewangan dan pendedahan yang berkaitan

Maklumat mengenai tahap dan jenis instrumen kewangan termasuk syarat dan keadaan yang penting dan pendedahannya ditunjukkan dalam nota masing-masing, di mana perlu.

Nilai kepada aset dan liabiliti kewangan kecuali pelaburan FVTPL seperti yang dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan bertarikh 30 April 2024 adalah anggaran nilai saksamanya disebabkan oleh kematangan dalam jangka masa pendek.

Hierarki nilai saksama

Tabung Amanah menggunakan hierarki berikut untuk menentukan nilai saksama bagi semua instrumen kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama:

- (a) Tahap 1: Harga bidaan yang disiarkan (tidak dilaras) di pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
- (b) Tahap 2: Input yang berdasarkan data di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- (c) Tahap 3: Input yang tidak berdasarkan data di pasaran.

	Tahap 1 RM	Jumlah RM
Pelaburan FVTPL di Malaysia		
30.04.2024	70,632,443	70,632,443
31.10.2023	<u>83,556,326</u>	<u>83,556,326</u>

15. Nisbah jumlah perbelanjaan dan pusing ganti portfolio

(a) Nisbah Jumlah Perbelanjaan

Nisbah jumlah perbelanjaan tahunan untuk tempoh kewangan semasa adalah 5.08% (2023: 1.75%).

Nisbah jumlah perbelanjaan adalah nisbah di antara jumlah perbelanjaan mengurus Tabung Amanah berbanding purata nilai aset bersih Tabung Amanah untuk tahun kewangan yang dikira berpandukan asas harian.



15. Nisbah jumlah perbelanjaan dan pusing ganti portfolio (sambungan)

(b) Pusing ganti portfolio

Pusing ganti portfolio untuk tempoh kewangan berakhir semasa ialah 0.53 kali (2023: 0.06 kali).

Pusing ganti portfolio ialah purata bagi jumlah nilai belian dan nilai jualan pelaburan untuk dalam tempoh kewangan berbanding purata nilai aset bersih Tabung Amanah untuk tahun kewangan yang dikira berpandukan asas harian.

16. Informasi segmen

Analisa pendapatan daripada pelaburan Tabung Amanah berdasarkan jenis:

	Sekuriti ekuiti/ REIT/Waran RM	Pasaran wang Islam RM	Jumlah RM
1.11.2023 - 30.04.2024			
(Kerugian)/pendapatan	(40,522,353)	875,757	(39,646,596)
Keuntungan belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan FVTPL	54,249,058	-	54,249,058
Jumlah pendapatan pelaburan segmen bagi tempoh semasa	13,726,705	875,757	14,602,462
Pada 30.04.2024			
Pelaburan	70,632,443	50,062,634	120,695,077
Dividen belum diterima	27,765	-	27,765
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi kewangan belum diterima	-	132,399	132,399
Jumlah aset segmen	70,660,208	50,195,033	120,855,241

16. Informasi segmen (sambungan)

1.11.2022 - 30.04.2023	Sekuriti ekuiti/ REIT/Waran RM	Pasaran wang Islam RM	Jumlah RM
Pendapatan	3,333,388	227,515	3,560,903
Keuntungan belum direalisasikan daripada perbezaan nilai saksama pelaburan FVTPL	3,216,573	-	3,216,573
Jumlah pendapatan pelaburan segmen bagi tempoh semasa	6,549,961	227,515	6,777,476
Pada 31.10.2023			
Pelaburan	83,556,326	26,118,706	109,675,032
Terhutang daripada lain-lain institusi keuangan dan syarikat broker saham	5,175,055	-	5,175,055
Dividen belum diterima	4,113	-	4,113
Keuntungan daripada deposit dengan institusi-institusi keuangan belum diterima	-	14,889	14,889
Jumlah aset segmen	88,735,494	26,133,595	114,869,089

Perbelanjaan Tabung Amanah tidak dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada prestasi mana-mana segmen pelaburan. Penyesuaian antara pendapatan bersih segmen dilaporkan dengan pendapatan bersih selepas cukai adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Pendapatan pelaburan segmen dilaporkan	14,602,462	6,777,476
Lain-lain pendapatan	47	67
Tolak: Perbelanjaan	(5,874,567)	(962,184)
Pendapatan bersih sebelum cukai	8,727,942	5,815,359
Tolak: Cukai	-	-
Pendapatan bersih selepas cukai	8,727,942	5,815,359

Selain itu, aset tertentu dan keseluruhan liabiliti tidak dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada aset atau liabiliti bersih bagi segmen individu. Penyesuaian antara aset dan liabiliti segmen bersih dilaporkan dengan jumlah aset dan liabiliti Tabung Amanah adalah seperti berikut:



16. Informasi segmen (sambungan)

	2024 RM	31.10.2023 RM
Jumlah aset segmen	120,855,241	114,869,089
Tunai di bank	16,679	2,921
Jumlah aset Tabung Amanah	<u>120,871,920</u>	<u>114,872,010</u>
Terhutang kepada lain-lain institusi kewangan dan syarikat broker saham	-	191,988
Terhutang kepada Pengurus	145,272	146,308
Terhutang kepada Pemegang Amanah	8,716	8,778
Peruntukan pengagihan pendapatan	-	2,440,355
Lain-lain pemiutang	-	21,500
Jumlah liabiliti Tabung Amanah	<u>153,988</u>	<u>2,808,929</u>

Semua pelaburan Tabung Amanah telah dilakukan di Malaysia dan tidak mempunyai lokasi pelaburan lain di luar negara.

17. Kelulusan laporan kewangan untuk diterbitkan

Penyata kewangan bagi tempoh berakhir 30 April 2024 telah diluluskan untuk diterbitkan menurut resolusi lembaga pengarah PUTB pada 23 Jun 2024.

▶▶ **MAKLUMAT KORPORAT**

PENGURUS

PTB Unit Trust Berhad - 199401024477(310155-K)

LEMBAGA PENGARAH

Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun - Pengerusi (*bebas*)

Mohamad Azman bin Mustaffa (*bebas*)

Roshidi bin Hj Ab Hamed (*bukan bebas*)

Prof. Datin Dr. Norsiah binti Ahmad (*bebas*)

Prof. Madya To' Puan Dr. Marhana binti Mohamed Anuar (*bebas*)

JAWATANKUASA PELABURAN

Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun - Pengerusi (*bebas*)

Mohamad Azman bin Mustaffa (*bebas*)

Roshidi bin Hj Ab Hamed (*bukan bebas*)

JAWATANKUASA SYARIAH

Prof. Dr. Muhamad Rahimi bin Osman - Pengerusi

Abdul Halim bin Awang @ Sulong

Prof. Datin Dr. Rusni binti Hassan

JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Mohamad Azman bin Mustaffa - Pengerusi (*bebas*)

Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun (*bebas*)

Prof. Datin Dr. Norsiah binti Ahmad (*bebas*)

SETIAUSAHA SYARIKAT

Saliza binti Abdul Rahman, (LS 8098)

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Roshidi bin Hj Ab Hamed

KETUA UNIT PEMATUHAN

Mohamad Azhar bin Sulaiman



PEJABAT BERDAFTAR

Wisma TI, PT3071
Chendering
21080 Kuala Terengganu

No. Tel : 09-617 7771
No. Faks : 09-617 7772

PEJABAT URUSNIAGA

29.01 KT Business Centre (KTBC)
Jalan Sultan Mohamad
21100 Kuala Terengganu.

No. Tel : 09-622 0999
No. Faks : 09-622 9555
E-mel : putb@ptbgroup.com.my
Laman Web : www.putbasdi.com
 : 011-1082 2099

PEMEGANG AMANAH

CIMB Islamic Trustee Berhad – 198801000556 (167913-M)
Level 13, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.

No. Tel : 03-2261 8888
Laman web : www.cimb.com

JURUBANK PENGURUS/TABUNG

CIMB Islamic Bank Berhad – 200401032872 (671380-H)

JURUAUDIT

Ernst & Young (PLT)
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Chartered Accountants
Tingkat 9, Menara Permint
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong





ف ت ب يونيت ترست برحد

PTB UNIT TRUST BERHAD

(No. Syarikat : 1994401024477 / 310155 K)

(Pengurus ASDI-Amanah Saham Darul Iman)

(Subsidiari milik penuh Permodalan Terengganu Berhad)

www.putbtrg.com

Emel: putb@ptbgroup.com.my